



TEKS UCAPAN DAN PERASMIAN

**YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

PROGRAM :

**LIQA' MAHABBAH SEKRETARIAT DAKWAH KORPORAT
JAKIM BERSAMA KETUA-KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SYARIKAT-SYARIKAT KORPORAT MALAYSIA DAN WAKIL
TETAP SDK JAKIM TAHUN 2024**

TARIKH :

**18 APRIL 2025 / 19 SYAWAL 1446H
(JUMAAT)**

MASA :

9.00 PAGI – 12.00 TENGAHARI

TEMPAT :

**HOTEL BANGI RESORT
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ اتَّبَعَ هَذَا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI SEBELUM MAJLIS BERLANGSUNG)

[ALUAN]

1. Saya suka untuk memulakan ucapan dalam majlis yang penuh keberkatan ini dengan mengajak seluruh hadirin menekuni firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 103:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا.

Maksudnya:

Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.

2. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Majlis Liqa' Mahabbah Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM Bersama Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat-Syarikat Korporat Malaysia Dan Wakil Tetap SDK JAKIM Tahun 2025.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir ke majlis pada hari ini. Walaupun dengan kesibukan melaksanakan tugas di agensi dan syarikat masing-masing, tuan-tuan masih dapat meluangkan masa untuk hadir dan bersama untuk mempertaut mahabbah dan memperkukuh ikatan persaudaraan antara kita.

3. Apa yang amat kita harapkan dengan pertemuan-pertemuan sebegini ialah semakin bertambahlah kemesraan sesama kita. Di ruang dan kesempatan ini kita dapat berkongsi pandangan dan pengalaman untuk terus saling memahami dan bekerjasama. 'Sesusun bak sirih, Serumpun bak serai', begitulah sewajarnya kita diibaratkan. Mudah-mudahan majlis kita ini berhasil menatijahkan mahabbah sesama kita lalu dinilai sebagai perjumpaan yang dirahmati dan perpisahan yang diampuni oleh Allah SWT.

4. Majlis ini merupakan antara program utama yang telah dirancang oleh JAKIM bersama-sama anggota tetap Sekretariat Dakwah Korporat (SDK) JAKIM. Program ini berkonsep ‘Santai Silaturrahim Aidilfitri’, melibatkan Jawatankuasa Tertinggi Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM bersama Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat korporat dan ahli tetap yang menganggotai Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM.

Hadirin sekalian,

[SILATURAHIM DAKWAH KORPORAT]

5. Dalam era pengurusan yang semakin kompleks hari ini, saya sentiasa memberi ingatan kepada agensi-agensi Islam untuk memaksimumkan sumber manusia yang ada, selain perlu kreatif untuk mendapatkan keberhasilan yang tinggi. Ini tentunya menuntut satu pemikiran luar kotak serta memecahkan budaya kerja secara “silo”.

6. Kerja-kerja dakwah tidak boleh lagi dilaksanakan oleh satu pihak sahaja secara bersendirian. Banyak pihak perlu dilibatkan sebagai rakan strategik dalam kerja-kerja dakwah untuk memastikan hasil yang lebih baik. Apabila kita bergabung, ia menambahkan kekuatan kita. Ia perlu kepada penyelarasan dan disusun secara terancang atau dalam bahasa pengurusan kita sebut ‘*well-organized*’ atau ‘*well-planned*’.

7. Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM hari ini adalah model yang baik dalam kerangka dakwah. Kita mempunyai pelan pelaksanaan program yang digerakkan secara bersama antaranya pengukuhan pengisian ilmu di kalangan warga sektor korporat dan program Musa'adah CSR untuk membantu pihak yang memerlukan. Ini adalah usaha yang sangat baik.

8. Hari ini kita perlu bekerja dengan lebih kuat untuk membina semula kerohanian serta kekuatan dalaman masyarakat. Di samping kita memberikan bantuan-bantuan berbentuk material, sokongan daripada aspek ilmu dan spiritual mesti juga bergerak seiringan.

9. Hati dan jiwa perlu diisi dengan ilmu dan amalan kerohanian. Itu adalah kekuatan diri seseorang insan. Maka, di sinilah peranan Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM bersama seluruh anggota. Memperkasa institusi Masyarakat Malaysia Madani perlu menjadi fokus kepada kita semua warga Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM.

(PENDEKATAN DAKWAH MESTI MENGIKUT ZAMAN)

10. Selaras dengan keperluan semasa, pendekatan dakwah kita juga seharusnya seiring dengan zaman. Di zaman ini, pendekatan dakwah mesti ringkas, padat, berfakta dan interaktif. Adakalanya, pendekatan 5 tahun lepas sudah tidak relevan dengan konteks dakwah hari ini. Kita mesti pantas mengadaptasi dengan suasana yang ada. Ini termasuklah dalam kerja-kerja dakwah. Uslub dakwah mesti sentiasa segar, interaktif dan relevan.

11. Saya dimaklumkan bahawa Sekretariat ini telah mempunyai Pelan Strategik sebagai asas dan halatuju bersama. Saya amat berharap pergerakan kita mengikut apa yang telah kita rancang dan susun bersama. Saya seronok melihat pihak syarikat-syarikat korporat yang aktif menggerakkan program-program CSR turun ke lapangan. Ini adalah satu perkara yang amat baik.

YBhg. Datuk/Dato', Datin-datin, Tuan-tuan/ Puan-puan yang dihormati sekalian,

[MEMPERKASA KEKUATAN DALAMAN]

12. Sesungguhnya saya amat berharap agar Sekretariat Dakwah Korporat ini dapat melahirkan produk-produk dakwah korporat yang berimpak tinggi dan menjadi 'barisan hadapan' yang akan mengangkat imej serta prestij pengurusan gerak kerja dakwah negara khususnya dan sistem pengurusan hal ehwal Islam secara keseluruhannya.

13. Saya yakin bahawa semua wakil tetap Sekretariat Dakwah Korporat yang dilantik dapat bergerak bersama-sama. Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah nadi kekuatan kami di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

14. Terima kasih sekali lagi saya kepada Ashabul Fadhilah tuan puan semua atas kesudian menghadiri majlis pada hari ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Bahagian Dakwah JAKIM atas komitmen tinggi menganjurkan majlis kita. Terima kasih juga kepada semua media yang hadir mewar-warkan usaha-usaha kita ini kepada masyarakat awam.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Liqa' Mahabbah JAKIM bersama Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Korporat Malaysia dan Wakil Tetap SDK JAKIM Tahun 2025** ini.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.
